

Pemilihan Bidang Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik Sebagai Pembentukan Awal Kerjaya Di Sekolah Menengah Teknik Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang

Asnul Dahar Bin Minghat & Noor Zalilah Binti Mansor
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian deskriptif ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik sebagai pembentukan awal kerjaya berdasarkan empat faktor iaitu minat, pengaruh luar, bimbingan dan kaunseling kerjaya dan situasi pekerjaan sebagai seorang jurutera. Sampel kajian terdiri daripada 127 orang pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Teknik di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang. Set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian ini. Nilai indeks kebolehpercayaan item soal selidik ini adalah $\alpha = 0.711$. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan perisian “Statistical Package for the Social Sciences” (SPSS) Versi 11.5 untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan min. Hasil dapatan kajian menunjukkan faktor situasi pekerjaan dengan nilai min tertinggi iaitu 3.92 paling mempengaruhi dalam pemilihan kerjaya dalam bidang elektrik dan elektronik, manakala tiga faktor lain yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam bidang elektrik dan elektronik dengan nilai min bagi faktor minat ialah 3.48, faktor pengaruh luar dengan nilai min 3.06 dan faktor bimbingan dan kaunseling kerjaya dengan nilai min 3.01 mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Beberapa cadangan dikemukakan bagi melaksanakan kajian lanjutan dilakukan.

Abstract: This descriptive research is to identify factors that influence the choice of careers in electric and electronic based on four major factors that are; interest, outside influence, career counseling and working situation as an engineer. Research samples are 127 form four students of Sekolah Menengah Teknik in Seberang Perai District, Pulau Pinang. Questionnaire set is used as an instrument in this research. The reliability index of the questionnaire items are $\alpha = 0.711$. The result of this research is analyzed by using “*Statistical Package for the Social Sciences*” (SPSS) Version 11.5 to get the frequency, percentage and min. The result shows that factor of working situation has the highest min which is 3.92. Another three factors that influence choice of careers has the min of 3.48 (interest), 3.48 (outside influence) and career counseling club (3.01). A few suggestions have been given to proceed with the further research.

Katakunci: pemilihan kerjaya, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Pengenalan

Setiap individu berkehendakan suatu kerjaya yang dapat menjamin kehidupan pada masa hadapan. Oleh itu, pembentukan perlu dirancang dengan sebaik mungkin agar bersesuaian dengan kebolehan diri, kepuasan dan jaminan masa hadapan. Pemilihan kerjaya bukanlah suatu perkara yang mudah dan seseorang itu lazimnya akan dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran dan dalaman yang ada dipersekitarannya semasa proses pemilihan kerjaya itu berlaku.

Bagi individu yang telah mengenal pasti kerja yang diinginkan, maka adalah mudah untuk melaksanakan langkah seterusnya tetapi bagi mereka yang masih belum melakukan pemilihan kerjaya akan menghadapi masalah dan dilema untuk membuat pemilihan mengikut minat serta kriteria yang ada pada dirinya.

Pernyataan Masalah

Analisis hala tuju lepasan tingkatan 5 pelajar bagi MPV (Lanskap dan Nurseri) di Sekolah Menengah Seri Perling pada tahun 2003 menunjukkan seramai 18 daripada 23 atau 79% pelajar telah bekerja dalam bidang yang tidak berkaitan dengan MPV yang diambil. Kajian ini dijalankan adalah bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik sebagai pembentukan awal kerjaya di Sekolah Menengah Teknik Seberang Perai, Sekolah Menengah Teknik Butterworth dan Sekolah Menengah Teknik Nibong Tebal di daerah Seberang Perai, Pulau Pinang. Antara faktor yang dikaji ialah minat, pengaruh luar, Bimbingan dan Kaunseling kerjaya sekolah dan situasi pekerjaan itu sendiri.

Objektif Kajian

Diharapkan agar hasil kajian ini dapat memenuhi objektif berikut:-

- i) Menenalpasti faktor minat mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.
- ii) Menenalpasti faktor pengaruh luar mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.
- iii) Menenalpasti faktor bimbingan dan kaunseling kerjaya mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.
- iv) Menenalpasti faktor situasi pekerjaan sebagai seorang jurutera mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

Kepentingan Kajian

Penyelidik ingin melaksanakan kajian ini supaya ia dapat menjadi panduan kepada pihak tertentu dengan tujuan berikut:

- i) Memberikan garis panduan dalam pemilihan kerjaya supaya pelajar menyedari betapa pentingnya membuat pemilihan kerjaya di peringkat awal agar mereka dapat merencana dan merancang matlamat pembelajaran mereka dengan jelas dan tepat. Secara langsung pengetahuan dan pendedahan yang terperinci dalam kurikulum pembelajaran dapat membantu mereka membina dan merancang suatu bentuk kerjaya berdasarkan kehendak dan keupayaan diri sendiri supaya tidak menghadapi masalah pada masa hadapan dalam menentukan haluan hidup mereka bagi mengelakkan dari tersalah pilih pengajian apabila memasuki institut pengajian tinggi nanti.
- ii) Jabatan Pelajaran Negeri dapat menyusun program dan aktiviti Bimbingan dan Kaunseling Kerjaya di peringkat sekolah sebagai panduan dan pendedahan kepada para pelajar dalam menenalpasti kecenderungan mereka dalam bidang tertentu supaya pelajar tidak mengalami sebarang tekanan dan beroleh kejayaan yang boleh cemerlangkan nama sekolah mereka.
- iii) Meningkatkan bilangan jurutera di Malaysia kerana pelajar yang membuat pemilihan yang betul berdasarkan kecenderungan diri mereka memudahkan lagi proses pembelajaran mereka dan seterusnya sebilangan besar siswazah dapat dikeluarkan untuk menerajui jawatan jurutera di negara Malaysia.

Batasan Kajian

Penyelidik melaksanakan kajian hanya di daerah Seberang Perai, Pulau Pinang iaitu di Sekolah Menengah Teknik Seberang Perai, Sekolah Menengah Teknik Butterworth dan Sekolah Menengah Teknik Nibong

Tebal sahaja iaitu dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Penyelidik memilih sekolah Menengah Teknik di Daerah Seberang Perai kerana usaha kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan akan membangunkan beberapa kelompok industri, iaitu kelompok industri elektrik dan elektronik di Pulau Pinang.

Sungguhpun terdapat ramai pelajar yang belajar di sekolah teknik tersebut yang terdiri daripada pelajar tingkatan 4 dan 5, penyelidik hanya menjalankan kajian ke atas pelajar tingkatan 4 aliran Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik sahaja. Penyelidik tidak mengkaji pelajar tingkatan 5 aliran Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik kerana pelajar tersebut adalah calon bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun tersebut. Pada kebiasaannya juga, pihak sekolah tidak membenarkan para pelajar ini diganggu proses pembelajaran mereka.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Azizi *et. al* (2007), populasi adalah keseluruhan kumpulan manusia, objek mahupun peristiwa yang mempunyai sedikit persamaan secara umumnya dan ia mestilah di definisikan secara spesifik. Manakala sampel sebahagian daripada populasi tanpa mengambil kira sama ada ia dapat menjadi wakil populasi ataupun sebaliknya.

Populasi kajian yang dijalankan terdiri daripada pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Teknik Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang iaitu di Sekolah Menengah Teknik Butterworth, Sekolah Menengah Teknik Nibong Tebal dan Sekolah Menengah Teknik Seberang Perai yang mengikuti aliran Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Pemilihan keseluruhan populasi sebagai sampel adalah bertujuan untuk mendapatkan kebolehpercayaan data yang tinggi dan tepat.

Daripada jumlah populasi yang ada, penyelidik menggunakan 127 orang sebagai sample. Saiz sampel ini diambil berdasarkan jadual Krejcie, R.V dan Morgan D.W. yang menunjukkan kadar menentukan jumlah sampel daripada populasi.

Kaedah pemilihan sampel adalah kaedah rawak mudah. Menurut Mohd Najib (1999), kaedah rawak mudah merupakan kaedah mudah memilih sampel daripada populasi dari senarai yang banyak. Persampelan rawak mudah bermakna setiap unsur dalam populasi mempunyai peluang memilih. Antara kaedah yang ringkas adalah dengan memilih dari senarai nama.

Instrumen Kajian

Di dalam kajian ini, penyelidik menggunakan soal selidik instrumen kajian. Penggunaan soal selidik sebagai kaedah untuk mendapatkan data kajian adalah disebabkan ianya mudah dikendalikan, lebih mudah mendapat kerjasama daripada responden, mereka bebas memilih jawapan tanpa rasa segan dan bilangan responden yang ramai boleh meningkatkan kebolehpercayaan kajian.

Menurut Azizi *et. al* (2007), perwujudan dan pengaturan daripada borang soal selidik adalah cara yang berkesan dan berjaya. Soal selidik yang dilakukan dengan betul dan berhati-hati meningkatkan jumlah maklum balas, memudahkan kesimpulan dan analisis data terkumpul.

Menurut Van Delan dalam Moktar (1999), soal selidik merupakan satu cara paling mudah untuk memperolehi maklumat. Soal selidik mempunyai beberapa kebaikan dibandingkan dengan cara-cara lain dalam usaha penyelidik mendapatkan maklumat kualitatif dan kuantitatif. Di antaranya ialah maklumat

dan data-data dari responden dapat diperolehi secara terus daripada responden. Selain itu ianya lebih cepat serta menjimatkan masa dan perbelanjaan.

Selain itu Tuckmen (1985), juga menyarankan bahawa kaedah soal selidik lebih mudah untuk mendapatkan kerjasama daripada responden. Mereka bebas memilih dan menyuarakan pandangan, penilaian mengikut kehendak soal selidik serta tahu apa yang difikirkan untuk menjawab.

Dalam kajian ini penyelidik telah menggunakan soal selidik yang berdasarkan skala kadar dengan menggunakan skala lima mata. Menurut Azizi *et. al* (2007), Penggunaan skala lima mata mempunyai kelebihan berikut :

- i. Penyediaan yang lebih mudah.
- ii. Kaedah ini berasaskan data empirikal berkaitan maklum balas subjek berbanding pendapat subjektif para juri.
- iii. Kaedah ini menghasilkan lebih banyak skala sama jenis dan meningkatkan kemungkinan satu unit sikap diukur dan ini dapat meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan.

Soal selidik terbahagi kepada 2 bahagian. Soalan dibentuk bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas daripada responden yang terpilih. Penyelidik menggunakan satu set soal selidik yang mempunyai dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Bahagian A mengandungi 7 item yang merupakan biodata responden di mana ianya berkaitan dengan:

- i. Jantina
- ii. Nama sekolah
- iii. Bangsa
- iv. Agama
- v. Gred mata pelajaran Kemahiran Hidup semasa PMR
- vi. Pekerjaan bapa
- vii. Pekerjaan ibu

Manakala bahagian B terdiri dari 40 item yang berkaitan dengan faktor- faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya yang dibahagikan kepada empat persoalan kajian. Setiap aspek kajian terdiri daripada beberapa item seperti jadual 1 di sebelah.

Jadual 1: Taburan Aspek Persoalan Kajian, Pembahagian Item Dan Jumlah Item

| Aspek | No item | Jumlah item |
|---|--|-------------|
| Apakah minat mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik? | 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9 & 10 | 10 |
| Apakah pengaruh luar mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik? | 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19 & 20 | 10 |
| Apakah bimbingan dan kaunseling kerjaya mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik? | 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29 & 30 | 10 |
| Apakah situasi pekerjaan sebagai seorang jurutera mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik? | 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, & 40 | 10 |

Bagi setiap item di bahagian B, responden diminta menentukan aras persetujuan terhadap pernyataan-pernyataan yang diberikan. Skala Likert digunakan untuk menentukan persetujuan tersebut. Maklumat dari soal selidik ini digunakan untuk menggambarkan pernyataan yang diberikan.

Kajian Rintis

Tujuan utama kajian rintis dijalankan adalah bagi menentukan nilai indeks kebolehpercayaan dan kesahan kandungan item soal selidik. Ianya membolehkan penyelidik mengenalpasti kekurangan item soal selidik kajian dalam membuat beberapa perubahan supaya tidak menjejaskan hasil kajian. Menurut Mohd Najib (2003), kajian rintis ialah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan di mana selain daripada menentukan kesahan kandungan dan mendapatkan nilai indeks kebolehpercayaan soal selidik, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis. Ianya bagi memastikan instrumen kajian yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan.

Kajian rintis telah dijalankan pada 5 November 2007. Untuk menjalankan kajian rintis ini, seramai 10 orang pelajar tingkatan 4 bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik di Sekolah Menengah Teknik Kluang, Johor telah diminta untuk menjawab borang soal-selidik ini. Pemilihan pelajar ini dipilih kerana untuk menyamai dengan kajian ini akan dijalankan.

Keputusan

Jadual 2: Taburan Purata Min Dan Tahap Keseluruhan Bagi Setiap Persoalan

| Bil | Persoalan Kajian | Responden | | | | |
|-----|--|-----------|------|-----|-----------------|-----------|
| | | TS % | TP % | S % | Min keseluruhan | Tahap |
| 1 | Apakah minat mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik ? | 20 | 28 | 52 | 3.48 | Sederhana |
| 2 | Apakah pengaruh luar mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik ? | 35 | 20 | 45 | 3.06 | Sederhana |
| 3 | Apakah bimbingan dan kaunseling kerjaya mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik ? | 34 | 28 | 38 | 3.01 | Sederhana |
| 4 | Apakah situasi pekerjaan sebagai seorang jurutera mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik ? | 8 | 20 | 70 | 3.92 | Tinggi |

Dapatan bagi persoalan kajian mengenai faktor minat mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik menunjukkan purata peratus setuju keseluruhan yang diperolehi ialah sebanyak 52 %, tidak pasti 28% dan tidak setuju 20%. Nilai min keseluruhan ialah 3.48 iaitu berada pada tahap sederhana.

Dapatan bagi persoalan kajian mengenai faktor pengaruh luar mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik menunjukkan purata peratus setuju keseluruhan ialah sebanyak 45 %, tidak setuju 35 % dan tidak pasti 20 %. Nilai min keseluruhan ialah 3.06 iaitu berada pada tahap sederhana.

Dapatan bagi persoalan kajian mengenai faktor bimbingan dan kaunseling kerjaya mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik menunjukkan purata peratus setuju keseluruhan ialah 38 %, tidak setuju 34% dan tidak pasti 28 %. Nilai min keseluruhan ialah 3.01 iaitu berada pada tahap sederhana.

Dapatan bagi persoalan kajian mengenai situasi pekerjaan sebagai seorang jurutera mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik menunjukkan purata peratus setuju keseluruhan ialah sebanyak 70 %, tidak pasti 20 % dan tidak setuju 8 %. Nilai min keseluruhan ialah 3.92 iaitu berada pada tahap tinggi.

Perbincangan

Perbincangan Bahagian A (Latar Belakang Responden)

Jumlah bilangan responden dalam kajian ini adalah seramai 127 orang berdasarkan dapatan kajian bilangan pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki. Senario bilangan pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki memang sudah menjadi satu fenomena biasa di Malaysia. Menurut Aminah (2001), penglibatan wanita dalam pelajaran menggalakkan tetapi masih wujud jurang mengikut jantina lelaki dan perempuan dalam pelajaran di peringkat menengah, terutama di Sekolah Vokasional, Teknik dan Politeknik. Sekolah yang terlibat dalam kajian ini adalah Sekolah Menengah Teknik Butterworth, Sekolah Menengah Teknik Seberang Perai dan Sekolah Menengah Teknik Nibong Tebal yang terletak di daerah Seberang Perai, Pulau Pinang.

Semua responden adalah berbangsa Melayu iaitu seramai 127 orang. Memandangkan semua adalah berbangsa Melayu, maka semuanya juga adalah beragama Islam. Peratusan responden mendapat gred A ialah 49% adalah tinggi berbanding gred B dan C. Ini menunjukkan responden yang mengikuti bidang ini cemerlang dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup semasa peperiksaan PMR.

Kebanyakan bapa responden bekerja di sektor swasta berbanding kerajaan dan bekerja sendiri. Ini disebabkan Seberang Perai merupakan kawasan perindustrian utama bagi Wilayah Utara. Begitu juga dengan pekerjaan ibu responden. Kebanyakan dari mereka berkecimpung di sektor swasta berbanding kerajaan. Tetapi suri rumah lebih ramai berbanding dengan bekerja iaitu 41%.

Perbincangan Bahagian B (Persoalan Kajian)

Perbincangan kajian yang dibuat oleh penyelidik adalah berdasarkan hasil dapatan yang telah dianalisis di dalam bab empat, tumpuan perbincangan terdiri dari empat persoalan kajian iaitu :

- i. Apakah minat mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik?
- ii. Adakah pengaruh luar mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik?
- iii. Adakah bimbingan dan kaunseling kerjaya mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik?
- iv. Adakah situasi pekerjaan sebagai seorang jurutera mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik?

Faktor minat mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

Minat merupakan salah satu faktor yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang individu dalam bidang yang diceburinya. Begitu juga dengan faktor minat pelajar dalam proses pembentukan awal kerjaya. Minat yang tinggi terhadap sesuatu perkara akan menambahkan lagi keyakinan diri untuk berjaya. Terdapat tiga kategori minat yang menjadi faktor bagi responden untuk mempengaruhi diri mereka dalam membuat pemilihan di bidang elektrik dan elektronik sebagai pembentukan awal kerjaya iaitu kemahiran yang di kuasai, kebolehan pada diri sendiri dan mata pelajaran yang di minati. Secara keseluruhan, hasil dapatan menunjukkan 52% responden bersetuju minat mempengaruhi pembentukan awal kerjaya.

Ini dapat digambarkan oleh item 1, “Saya memilih bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik kerana berminat dengan projek elektronik yang dilakukan semasa di tingkatan 3”. 61.4% bersetuju dengan pernyataan ini. Pelajar-pelajar yang memilih bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik ini adalah kerana minat terhadap projek yang dilakukan semasa ditingkatan 3. Minat merupakan salah satu faktor yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang individu dalam bidang yang diceburinya. Minat yang tinggi terhadap sesuatu perkara akan menambah lagi keyakinan diri untuk berjaya. Ini sejajar dengan kenyataan Sharifah Alawiah (1987), menyatakan minat adalah pendorong yang penting kepada individu dalam mencapai kecemerlangan.

Kenyataan ini juga selari dengan pendapat Donald (1986), juga menyatakan bahawa antara faktor yang mempengaruhi mereka dalam memilih pekerjaan adalah berdasarkan kepada mata pelajaran yang mereka gemari dan mereka harapkan agar mata pelajaran yang mereka gemari itu boleh dijadikan landasan kepada mereka untuk memperolehi kejayaan.

Oleh kerana faktor minat mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, maka sesuatu perlu dilakukan bagi memastikan pelajar meneruskan bidang ini bagi meneruskan pembentukan kerjaya yang akan diceburinya kelak.

Item 7, “Saya berpuas hati jika dapat membaiki peralatan elektrik di rumah”, menunjukkan nilai min yang paling tinggi iaitu 4.13. Peratus responden yang bersetuju 77.2%. Perkara ini perlu diamalkan oleh pelajar yang berminat dengan bidang elektrik dan elektronik ini supaya mereka dapat menguasai kemahiran yang berkaitan dengan kerjaya idaman mereka iaitu Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Selain itu, minat sepatutnya boleh mempengaruhi seseorang untuk melakukan kerja-kerja tambahan dalam suatu bidang itu. Zahari (1987), telah menyatakan bahawa minat berperanan penting kerana minat dapat mempengaruhi dan mendorong seseorang itu berusaha dengan gigih untuk menguasai serta mendapatkan apa yang di kehendaknya. Oleh itu adalah penting bagi seseorang itu untuk meningkatkan kerajinan diri dalam melakukan berbagai aktiviti termasuk membina dan memasang litar elektronik untuk menguasai kerjaya di bidang elektrik dan elektronik yang mereka ingini.

Ini disokong pula oleh Tolbert (1980), yang menyatakan bahawa perkembangan kerjaya adalah merujuk kepada proses seumur hidup dalam perkembangan nilai kerja. Oleh itu sedikit sebanyak aktiviti-aktiviti sebegini boleh dijadikan langkah awal untuk menguasai kerjaya yang di idamkan. Manakala kajian Mohd Aniza (2000), mendapati semakin meningkat umur seseorang remaja, semakin tinggi status pekerjaan yang dipilih tetapi di akhir peringkat remaja, mereka akan memilih pekerjaan yang mereka minati dan mempunyai kebolehan dalam bidang itu.

Justeru itu dapatlah dirumuskan bahawa minat akan mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik yang akan mempengaruhi proses pembelajaran. Secara langsung minat dapat membina keazaman yang kuat untuk terus mencapai kejayaan yang cemerlang dalam bidang elektrik dan elektronik selepas tamat persekolahan kelak. Minat merupakan suatu kecenderungan yang wujud dalam diri seseorang pelajar daripada reaksi yang diberi terhadap sesuatu perkara dan mengakibatkan seseorang itu ingin menggapainya untuk dikuasai. Secara langsung ia dapat membina keazaman yang kuat untuk terus mencapai kejayaan yang cemerlang dalam bidang yang dilakukan.

Faktor pengaruh luar mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

Berdasarkan kepada min persoalan kajian ini iaitu 3.06 menunjukkan bahawa faktor-faktor pengaruh luar seperti ibu bapa, guru dan rakan mempengaruhi responden dalam membuat pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik adalah tahap sederhana.

Item nombor 16, didapati responden setuju dengan peratus 52.7% iaitu berbincang tentang pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dengan rakan-rakan. Ini menunjukkan bahawa rakan merupakan orang terdekat dan terapat dengan remaja selain dari keluarga yang juga berperanan sebagai pendorong, penasihat, tempat meluahkan perasaan dan tak kurang juga rakan sebagai pemusnah kehidupan. Suhaimi (1996), remaja lebih terpengaruh dengan rakan sebaya daripada orang lain dalam pelbagai aspek. Ramai remaja mula mempelajari erti kehidupan bersama rakan sebaya mereka. Pembentukan peribadi rakan yang didampingi, lazimnya remaja akan menjadi baik dan berjaya apabila mereka bersahabat dengan rakan yang baik dan rajin belajar.

Menurut Zolkifli dalam Khashiatul Fauziah (2003), telah membuat kajian ke atas 55 orang pelajar perempuan tingkatan lima di Sekolah Menengah Convent, Jalan Gereja Kajang, Selangor. Pelajar-pelajar terdiri daripada aliran sastera dan sains. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa tidak lagi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi remaja untuk memilih pekerjaan mereka. Pelajar-pelajar ini lebih dipengaruhi oleh rakan sebaya mereka. Hal ini telah mengubah kebiasaan lama di mana para remaja lebih dipengaruhi oleh ibu bapa tetapi kini berubah cara dengan mengikut pengaruh rakan sebaya dalam banyak hal termasuk memilih kerjaya.

Bagi item nombor 18, menunjukkan responden sering merujuk kepada kedua ibu bapa apabila menghadapi sebarang kemusykilan dalam melakukan pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Jelas di sini menunjukkan ibu bapa masih menjadi tempat untuk mereka berbincang sekiranya mereka ingin mendapatkan pendapat atau pengetahuan tentang kerjaya yang akan di lalui kelak.

Bagi penyelidik walaupun responden sering merujuk kepada kedua ibu bapa apabila menghadapi sebarang kemusykilan dalam melakukan pemilihan kerjaya. Namun responden tetap memerlukan ibu bapa sebagai pakar rujuk, dan rasa hormat kepada ibu bapa tetap ada dan sudah menjadi tradisi restu ibu bapa itu penting. Menurut Khalijah (1996), ibu bapa adalah pendidik pertama bagi anak-anak mereka dengan memberi contoh tauladan kepada anak-anak. Ibu bapa yang berjaya menjadi pendidik yang baik kepada anak-anak akan terus didampingi dan dirujuk oleh anak-anak.

Selain dari rakan dan ibu bapa, pengaruh luar seperti kemahiran guru yang mengajar di bidang elektrik dan elektronik juga penting untuk menarik minat responden. Ini jelas terbukti dengan peratus paling tinggi iaitu 66.9 % setuju dengan pendapat ini. Di sekolah, guru merupakan pembimbing utama di samping sebagai orang yang dihormati oleh pelajar di sekolah. Guru dianggap mempunyai hubungan yang paling rapat dengan para pelajarnya kerana mereka memainkan peranan utama dalam bilik darjah. Selain itu guru juga dapat membantu pelajar mengenali diri mereka sendiri serta mengenal pasti tahap kebolehan khusus yang ada pada pelajar berdasarkan kepada penampilan pelajar itu di dalam kelas. Ini diterangkan lagi oleh Mirzan Adiliah (1992), yang menyatakan bahawa guru boleh membantu pelajar melihat ke arah manakah seseorang pelajar itu boleh membawa dirinya di alam pekerjaan nanti.

Oleh kerana faktor pengaruh luar mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, semua pihak harus memainkan peranan untuk menentukan hala tuju bidang kerjaya remaja pada masa kini

Faktor bimbingan dan kaunseling kerjaya mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

Faktor bimbingan dan kaunseling kerjaya mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik memperoleh nilai min iaitu 3.01. Berdasarkan kepada dapatan ini, penyelidik dapat membuat kesimpulan bahawa faktor ini sememangnya mempengaruhi dalam membuat pemilihan kerjaya.

Guru kaunseling mestilah boleh berfikir dan memberi sebab musabab secara sistematik dan juga boleh merumuskan sesuatu keputusan berdasarkan gabungan keterangan yang diterimanya mengikut matlamat dan tujuan asal (Muhd Mansur, 1993). Ini ditegaskan lagi oleh Samsuri (1994), guru kaunseling haruslah mempunyai "*personal traits*" (sifat-sifat diri) yang selaras dengan konsep suka membantu/menolong orang lain. Ini selaras dengan dapatan kajian bagi item nombor 21 "Saya sentiasa merujuk kepada guru bimbingan dan kaunseling kerjaya disekolah tentang pemilihan kerjaya kerana sifatnya yang sudi menjawab tentang sebarang pertanyaan berkenaan dengan kerjaya terutama dibidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik". Ia menunjukkan 62% responden bersetuju dengan kenyataan ini.

Ia disokong oleh Suradi (1996), menyatakan pelajar memerlukan pertolongan pihak yang lebih matang untuk membuat pilihan kerjaya yang biasanya tidak dapat diberikan oleh ibu bapa mereka. Ini ditegaskan lagi oleh Ahmad Baharuddin (2007), guru kerjaya hendaklah ingat bahawa pemilihan kerjaya adalah proses yang berlanjutan dan bukan satu kejadian tertentu.

Dapatan kajian menunjukkan kemudahan bilik bimbingan dan kaunseling merupakan faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar. Ini jelas menunjukkan ramai pelajar merujuk ke bilik bimbingan dan kaunseling untuk mendapatkan maklumat kerjaya. Dalam pendidikan moden, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya adalah penting. Untuk meningkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan ini, maka sesebuah bilik khas bimbingan dan kaunseling kerjaya hendaklah diadakan dan hendaklah diubahsuai mengikut keperluan perkhidmatan di sekolah. Ini diterangkan oleh Zahari (1987), menyatakan bahawa kemudahan fizikal merupakan satu aspek penting untuk menjalankan aktiviti bimbingan dan kaunseling kerjaya.

Ini ditegaskan lagi oleh Siti Fatimah (2002), sebuah bilik kaunseling adalah perlu bagi menjalankan sesi kaunseling yang berkesan. Bilik kaunseling ini haruslah dilengkapi dengan sumber-sumber maklumat kerjaya/borang yang berkenaan atau bahan-bahan panduan, bahan-bahan ini hendaklah boleh digunakan pada bila-bila masa dengan cepat dan mudah

Dapatan kajian bagi item nombor 23 menunjukkan 46.4 % tidak setuju menyatakan bahawa mereka pernah menggunakan perkhidmatan kelab bimbingan dan kaunseling kerjaya sekolah sekiranya terdapat kemusykilan tentang pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Ini membuktikan bahawa kelab bimbingan dan kaunseling kerjaya sekolah tidak menyediakan banyak maklumat kerjaya. Sepatutnya bilik bimbingan kerjaya sekolah perlulah diisi dengan berbagai-bagai maklumat kerjaya yang boleh dirujuk oleh pelajar. Ini adalah untuk meningkatkan kesedaran para pelajar terhadap kepentingan pemilihan kerjaya ini di dalam kehidupan mereka di samping mengetahui kriteria-kriteria yang perlu mereka miliki untuk memenuhi keperluan bidang kerjaya yang dipilih.

Menurut Tolbert (1980), bahan-bahan yang membincangkan tentang dunia pekerjaan, struktur dan organisasi, keperluan yang diperlukan oleh sesuatu pekerjaan itu daripada seseorang individu, ganjaran serta keuntungan yang boleh didapati darinya, tahap pendidikan yang diperlukan, kualiti diri dan pengalaman yang dapat menolong untuk berjaya dalam pekerjaan itu. Maklumat-maklumat seperti ini adalah penting bagi para pelajar kerana dapat memberikan panduan kepada mereka semasa mengalami proses perkembangan kerjaya.

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperolehi dapatlah penyelidik membuat kesimpulan bahawa tahap perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Kerjaya sekolah masih belum efisien sedangkan unit ini sebenarnya mampu untuk memberikan kesan yang efektif terhadap para pelajar berkenaan dengan dunia kerjaya bagi memudahkan mereka menjalani proses pemilihan kerjaya. Adalah menjadi tanggungjawab sesebuah sekolah untuk memastikan perkhidmatan terbaik diberikan oleh Bimbingan dan Kaunseling Kerjaya sekolah itu sebagaimana telah diamanahkan untuk membimbing golongan remaja bagi mendapatkan pekerjaan kerana hanya sekolahlah tempat yang hampir dengan mereka.

Faktor situasi pekerjaan sebagai seorang jurutera mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

Persoalan kajian yang terakhir ialah faktor situasi pekerjaan sebagai seorang jurutera mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik menunjukkan min yang paling tinggi iaitu 3.92. Kategori yang mempengaruhi responden dalam faktor ini merangkumi prestij, pendapatan, ganjaran, fleksibel dan situasi pekerjaan itu sendiri.

Berdasarkan dapatan kajian ini dapatlah dirumuskan bahawa, prestij suatu pekerjaan merupakan kategori penting dalam membuat pilihan kerjaya. Menurut Ginzberg dalam Arthur P.Llyod *et. al* (1994), prestij memberi kesan terhadap aspirasi pekerjaan pelajar. Secara umumnya apa yang menarik pada sesuatu pekerjaan adalah seperti yang dikatakan oleh Shertzer dan Stone (1992), iaitu ia melibatkan situasi pekerjaan yang merangkumi pendapatannya berbanding pekerjaan lain, ganjaran, prestij sosialnya, ketetapan bekerja, peluang untuk maju (fleksibel) dan suasana pekerjaan itu dijalankan. Menurut mereka juga, pengaruh situasi pekerjaan itu sendiri mampu menarik minat seseorang pelajar itu untuk membuat pemilihan kerjaya.

Bagi item 32, sebanyak 78 % responden setuju bahawa kerjaya di bidang elektrik dan elektronik kerana ianya menjanjikan pendapatan yang lumayan. Sebahagian besar responden akan memilih pekerjaan adalah berdasarkan pendapatan yang diperolehi jika mereka bekerja di dalam sesebuah organisasi itu. Bagi penyelidik tindakan yang dibuat oleh remaja adalah betul dan perlu dilakukan . Ini adalah kerana kos sara hidup pada masa ini adalah tinggi terutama di negeri Pulau Pinang. Pendapatan yang lumayan ketika ini amat diperlukan untuk kesejahteraan dalam hidup. Selain itu, wang juga merupakan aset yang penting untuk pelbagai aktiviti. Bagi remaja yang ingin berumah tangga memerlukan pendapatan yang tetap dan lumayan supaya kehidupan mereka semasa berkeluarga akan terjamin. Pada masa ini, remaja sangat mementingkan kemewahan dalam kehidupan seharian. Mereka terpaksa mengikut arus pembangunan zaman berteknologi tinggi.

Ianya sesuai dengan Model Hirarki Maslow dalam Ee Ah Meng (1991), pertimbangan dan keputusan dalam menentukan pilihan sudah tentu mengambil kira keperluan dan keinginan, sebagai manusia secara amnya keperluan adalah sesuatu yang perlu dipenuhi samada dari segi keperluan fisiologi ataupun keperluan psikologi. Keperluan fisiologi adalah seperti keperluan untuk makan, minum, pakaian, tempat tinggal dan lain -lain penyelesaian fizikal. Sementara keperluan bagi psikologi pula ialah dari segi keselamatan, kasih sayang, penghargaan dan kebenaran diri. Tahap untuk memenuhi keperluan tersebut adalah bergantung kepada individu. Secara jelasnya gaji atau pendapatan dari pekerjaan akan menghasilkan keupayaan terutamanya untuk memenuhi keperluan-keperluan hiraki pertama iaitu fisiologi. Pekerjaan yang menghasilkan ganjaran yang lumayan sudah tentu akan dapat digunakan untuk memenuhi keperluan secara yang lebih sempurna dan selesa.

Bagi item 37, “Kepentingan ganjaran yang menjamin masa depan adalah dorongan utama saya akan memilih kerjaya dalam bidang elektrik dan elektronik”. Item ini menunjukkan peratusan responden yang bersetuju adalah tinggi iaitu 72.5 %. Ganjaran merupakan sesuatu yang diberikan samada dalam bentuk material atau kebajikan kepada seseorang di atas jasa atau perkhidmatan yang diberikan. Terdapat pelbagai jenis ganjaran, di antaranya ialah gaji, cuti, kenaikan pangkat dan bonus. Menurut Holland (1973), seseorang individu itu tertarik kepada sesuatu pekerjaan kerana terdapat beberapa ciri-ciri yang menarik seperti latar belakang pekerjaan, pangkat, bentuk kerja dan gaji.

Kepuasan semasa bekerja berdasarkan ganjaran yang diberikan setimpal dengan kerja yang dilakukan juga menjadi pilihan remaja. Ini juga menjadi tarikan remaja, seseorang pekerja tidak akan dapat bertahan

jika gaji atau ganjaran yang diterima tidak setimpal dengan kerja yang terpaksa mereka lakukan. Menurut Chek Mat (2000), menyatakan bahawa individu hendaklah diberi ganjaran yang setimpal dengan tahap prestasi yang dihasilkan. Sekiranya ganjaran yang diterima adalah menepati dengan kerja yang mereka lakukan maka mereka akan berpuas hati tetapi sebaliknya sekiranya ganjaran adalah kurang daripada apa yang diharapkan dan kerja dilakukan tidak setimpal dengan bayaran maka ketidakpuasan hati akan terjadi. Pernyataan ini disokong oleh Mohd.Shamsuddin (1999), menyatakan satu kajian oleh Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Pendidikan ke atas guru-guru yang bersara pilihan menunjukkan bahawa hampir 50% daripada responden menyatakan rasa tidak puas hati dengan gaji guru secara keseluruhannya, mereka juga menyatakan ianya tidak setimpal dengan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada guru.

Pada pandangan penyelidik, ganjaran memainkan peranan penting dalam menentukan prestasi seseorang pekerja. Contohnya seperti kemudahan-kemudahan cuti, elaun, pengangkutan, gaji dan bonus boleh menaikkan semangat pekerja untuk bekerja dengan lebih produktif. Menurut Chek Mat (2000), ketidakpuasan adalah ditentukan oleh ganjaran yang sebenar diperolehi dan juga berdasarkan tanggapan individu tentang ganjaran yang sepatutnya diterima menurut tahap prestasinya. Menurutnya juga, lebih banyak ganjaran maka lebih cepatlah seseorang itu ingin mencapai matlamatnya.

Menurut Ramli (1998), dalam kajiannya ke atas 338 orang guru lepasan maktab perguruan, mendapati mereka tidak berpuashati dengan gaji, peluang kenaikan pangkat dan bebanan kerja. Dalam kajiannya juga, beliau menyatakan bahawa ganjaran setimpal harus diberikan kepada guru yang berkhidmat di pelusuk dunia. Beliau berpendapat ganjaran yang diberikan sekarang tidak setimpal dengan bebanan kerja yang ditanggung.

Walau bagaimanapun terdapat kajian yang bertentangan dengan kajian-kajian yang telah diutarakan di atas iaitu Norlia (2000), dalam kajiannya terhadap pelajar yang mengikuti kursus pendidikan mendapati responden menyatakan bahawa gaji yang akan mereka perolehi bila menjadi guru bukanlah faktor yang mendorong pemilihan mereka terhadap kerjaya tersebut.

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan faktor situasi pekerjaan sebagai jurutera mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik berada pada tahap tinggi. Oleh itu penyelidik beranggapan situasi pekerjaan merupakan salah satu faktor penting yang mempengaruhi pemilihan kerjaya bagi pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang pada masa akan datang.

Rumusan

Kajian yang dijalankan adalah mengenai pemilihan bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik sebagai pembentukan awal kerjaya. Keseluruhan data yang dikumpul melibatkan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang. Setelah dibuat analisis rumusan adalah seperti berikut :

- i. Responden yang digunakan adalah terdiri dari 127 orang pelajar tingkatan empat tahun 2007 di 3 buah sekolah Menengah Teknik di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang.
- ii. Semua pelajar terdiri dari kaum Melayu yang beragama Islam iaitu seramai 127 orang. Bilangan pelajar lelaki seramai 74 orang dan pelajar perempuan seramai 53 orang.
- iii. Hasil soal selidik yang dibuat didapati seramai 61 orang mendapat gred A semasa peperiksaan PMR bagi mata pelajaran Kemahiran hidup, manakala seramai 49 orang mendapat gred B dan 17 orang mendapat gred C.

- iv. Faktor situasi pekerjaan sebagai seorang jurutera mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dengan nilai min tertinggi iaitu 3.92 iaitu tahap penilaian yang tinggi / baik.
- v. Faktor minat mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dengan nilai min 3.48 iaitu tahap penilaian yang sederhana.
- vi. Faktor pengaruh luar mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dengan nilai min 3.06 iaitu tahap penilaian yang sederhana.
- vii. Faktor bimbingan dan kaunseling kerjaya mempengaruhi pelajar dalam proses pemilihan kerjaya di bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dengan nilai min 3.01 iaitu tahap penilaian yang sederhana.

Meskipun kajian ini dijalankan ke atas populasi yang kecil iaitu di Daerah Seberang Perai Pulau Pinang, namun keputusan kajian ini bolehlah dianggap sebagai relevan dan diterima pakai. Ini adalah berdasarkan kepada keseragaman pengurusan serta proses pengajaran dan pembelajaran di semua sekolah menengah teknik di negara kita telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Konsep keseragaman ini adalah merangkumi aspek kriteria pemilihan pelajar, kurikulum, sukatan pelajaran, peperiksaan, kelulusan tenaga pengajar, aktiviti sekolah mahupun reka bentuk sekolah itu sendiri. Dengan ini, secara amnya dapatlah dikatakan bahawa hasil dapatan kajian ke atas populasi di negeri Pulau Pinang ini bolehlah mewakili populasi keseluruhan pelajar Sekolah Menengah Teknik di seluruh Malaysia.

Rujukan

- Abdul Rahim Abdul Manaf dan Mohamed Abdul Razak (1994). *Jurutera dalam Masyarakat*. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Aziz (2000). *Pekerjaan Dalam Kehidupan Manusia*. Petaling Jaya: Prentice Hall
- Abu Zahari Abu Bakar (1987). *Memahami Psikologi Pembelajaran*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Baharuddin Abdullah (2007). *Kerjaya dalam bidang Kejuruteraan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Aminah Ahmad (2001). The Participation Of Malaysia Women In Education : The Post, Indepence Era. *Kerta Kerja The 16th Conference Of The International Association Of Historians Of Asia*. Kota Kinabalu, Sabah. 27-31 Julai.
- Aminuddin Mohd Yusof (1982). *Faktor-faktor Pekerjaan dan Hubungannya Dengan Minat Terhadap Perguruan Sebagai Kerjaya*. Sarjana Muda. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Amir Awang (1982). *Remaja Dan Dunia Pekerjaan*. Kuala Lumpur : Dewan Masyarakat. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Arthur P. Lloyd *et. al* (1994). *Bimbingan dan Kaunseling Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya *et.al* (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

- Bruce Shertzer dan Shelley C. Stone (1992). *Asas-asas Bimbingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chek Mat (2000). *Pengurusan Kerjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Connel, W.F. (1975). *The Undersided Student How Different Is He?*. Personnel and Guidance Journal.
- Crites J.(1969). *Vacational Psychology The Study of Vocational Behavior And Development*. London. Mc Craw Hill Book Company
- Crow L.D dan Crow L. (1980). *Psikologi Pendidikan Untuk Pendidikan Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crow,L.D. (1967). *Psychology of Human Adjustment*. New York : Alfred A. Knopf.
- Donald, V.(1986). *How To Choose A Career*. London: Kogan Page.
- Ee Ah Meng (1988). *Pedagogi Satu Pengenalan, Edisi ketiga*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Ee Ah Meng (1986). *Pendidikan Sebagai Satu Proses*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Erikson ,E.H (1968). *Identiti Yourth And Crisis*. New York. W.W. Norton